

Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmetro.com.my

Hasil 1,800 harta intelek

■ **UPM mahu terus cipta produk berteknologi tinggi untuk pasaran semasa**

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) terus komited menghasilkan produk berinovasi apabila merekodkan 1,800 harta intelek dihasilkan untuk pasaran semasa dalam tempoh 15 tahun.

Pengarah Pusat Inovasi dan Komersil Putra Science Park UPM Profesor Dr Samsilah Roslan berkata, inovasi teknologi berkenaan merangkumi bidang pertanian, perubatan dan kejuruteraan khusus untuk meningkatkan produktiviti dalam industri terbabit.

Beliau berkata, 800 produk dan hasil inovasi sudah dipatenkan manakala selebihnya dalam bentuk hakmilik bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak tertentu.

"Teknologi yang dihasilkan penyelidik UPM bertaraf



ABDUL Jalil (dua dari kanan) diringi Samsilah pada majlis Hari Inovasi Terbuka Fakulti Perubatan dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia.

antarabangsa, sekali gus mempunyai permintaan dan pembeli berikutan inovasi yang dicipta kami memenuhi kriteria ditetapkan.

"Secara purata penyelidik

UPM menghasilkan kira-kira 100 produk inovasi teknologi untuk tempoh setahun dan kemungkinan ia akan terus meningkat sejajar permintaan serta keperluan

semasa," katanya pada Majlis Hari Terbuka Inovasi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

UPM Datuk Dr Abdul Jalil Nordin.

Dr Samsilah berkata, pihaknya juga berjaya mengkomersialkan 109 produk inovasi dalam pelbagai bidang terutama pertanian.

"Penghasilan produk ber-

inovasi begitu mencabar berikutan perlu memenuhi kriteria yang memenuhi keinginan dan pasaran semasa sekali gus teknologi baru ini boleh diterima untuk mengubah penghasilan produk di setiap industri," katanya.

HUPM guna teknologi hijau 2018

Serdang: Hospital Universiti Putra Malaysia (HUPM) atau dikenali sebagai Hospital Pengajar akan menggunakan teknologi hijau sepenuhnya apabila mula beroperasi pada awal 2018.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM Datuk Dr Abdul Jalil Nordin berkata, HUPM yang menelan belanja hampir RM600 juta itu adalah hospital pertama di negara ini yang beroperasi menggunakan teknologi hijau.

Beliau berkata, teknologi hijau yang

digunakan HUPM boleh menjimatkan kos perbelanjaan dan operasi apabila ia menempatkan kira-kira 400 pesakit dan sekurang-kurangnya 500 pelajar perubatan termasuk jururawat menjalani latihan.

"HUPM di bawah Kementerian Pengajian Tinggi boleh memenuhi kehendak rawatan perubatan membabitkan penduduk berhampiran selain proses pengajaran serta pembelajaran dilaksanakan dengan lebih sistematik," katanya.